

# Ubah tanggapan kerja satu beban – Najib

oleh ROZAMAN ISMAIL

PUTRAJAYA 2 April – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyeru kakitangan awam membentuk semula tanggapan terhadap kerja sebagai sesuatu yang mulia dan bukan satu beban.

Beliau menegaskan dengan menjadikan kerja sebagai sesuatu yang murni dan mulia, sesuatu pekerjaan akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

“Bila kita jadikan pekerjaan harian kita sebagai satu beban, maka apabila disuruh kerja lebih masa sedikit, kita tidak akan buat atau akan ada rasa tentangan yang kuat.

“Tetapi kalau kita mengubah tanggapan dalam fikiran kita bahawa bekerja sesuatu yang mulia, sesuatu yang baik, menyumbang kepada orang lain dan mendapat ganjaran pahala daripada Allah, maka kalau terpaksa bekerja lebih kuat sehingga membawa pulang fail kerja ke rumah pun, kita tak rasakan itu satu beban,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Najib berkata, tidak ada penggantian kepada kerja kuat dan ia sangat penting serta perlu dijadikan pegangan dan budaya kakitangan awam.

Menurut beliau, terdapat sesetengah negara di Eropah yang mengehadkan waktu kerja selama lima hari seminggu dan bekerja tidak melebihi tujuh jam sehari.

“Negara seperti ini tidak mungkin dapat mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi kerana akan tersekat dari segi produktiviti.

“Negara seperti ini juga akan hilang daya saing malah mungkin berdepan dengan pelbagai masalah kerana asasnya mereka telah mengurangkan hasil pengeluaran apabila kenakan syarat bahawa setiap pekerja tidak boleh bekerja melebihi 35 jam seminggu.

“Cuba kita bayangkan keadaan Malaysia pada 10, 30 atau 50 tahun akan datang berdasarkan produktiviti kerja 10, sembi-

lan atau paling minimum lapan jam sehari berbanding dengan negara yang bekerja tujuh jam sahaja sehari,” katanya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri lagi, dengan menjadikan kerja sebagai satu kebaikan, bukan satu deraan, seseorang itu sudah meletakkan bekerja sebagai sesuatu yang mulia, murni dan sangat baik bukan sahaja untuk orang lain tetapi untuk diri sendiri.

Beliau berkata, usaha mengubah perangai atau perilaku kakitangan awam terhadap kerja boleh dilakukan menerusi teknik anjakan minda sebagaimana dilakukan oleh Profesor Diraja Ungku Aziz.

Katanya, Ungku Aziz menggunakan teknik anjakan minda ketika hendak minum minuman bergula dengan menganggap gula sebagai racun.

“Bila tengok gula, beliau melihat gula sebagai racun dan tidak akan minum minuman bergula. Saya sendiri telah mencuba dan berjaya. Maknanya saya sudah boleh minum teh tanpa gula,” katanya.

Sebagai sebuah negara yang semakin berjaya, berada di barisan hadapan dan

menjurus kepada sebuah negara maju tidak lama lagi. Timbalan Perdana Menteri berkata, setiap penjawat awam perlu bekerja bersungguh-sungguh bagi menjayakan Misi Nasional yang telah diumumkan oleh kerajaan tahun lalu.

Menurut beliau, oleh kerana tahun ini dijadikan sebagai tempoh pelaksanaan pelbagai rancangan kerajaan, setiap kakitangan awam perlu memberi fokus kepada keupayaan sama ada sebagai seorang insan, organisasi atau pun kerajaan keseluruhannya.

Najib berkata, setiap mereka juga perlu berazam menjadikan sambutan 50 tahun kemerdekaan negara tahun ini sebagai sesuatu yang lebih bermakna dan signifikan.

“Dalam kita merayakan tahun yang ke-ramat ini, kita perlu bertanya pada diri kita bagaimana kita boleh jadikan tahun ini lebih bermakna.

“Dan lebih signifikan lagi, bukannya semata-mata merasa seronok dan gembira di atas pelbagai acara sambutan yang bakal diadakan,” ujarnya.